

UniKL MAHU LAHIRKAN LEBIH RAMAI PAKAR IoT



Sejak istilah Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) diperkenalkan, semakin banyak pihak yang berdu-deru mempersiapkan diri bagi menghadapi gelombangnya.

Revolusi yang mengubah haluan industri itu menuntut syarikat-syarikat untuk menggunakan teknologi-teknologi baharu yang berasaskan automasi dan memanfaatkan sepenuhnya rangkaian internet yang semakin maju penggunaannya.

Satu daripada unsur penting dalam IR 4.0 adalah internet pelbagai benda (IoT) yang kini digunakan dalam pelbagai industri bagi mewujudkan persekitaran yang lebih terhubung dan berpaksikan data raya.

Melihat keperluan tersebut, Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT) memperkenalkan program khas bagi melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang IoT, iaitu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Maklumat Internet of Things (IoT) yang memulakan pengambilan pelajarinya tahun ini. Tempoh pengajian program ini adalah 3 tahun 4 bulan termasuk latihan industri. Antara subjek yang akan dipelajari adalah seperti IoT network, IoT platform, Machine Learning, Data Analytics, Data Visualization dan Cloud Computing.

Menurut Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Komputer UniKL MIIT, Fuead Ali, keutamaan UniKL adalah melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran tepat dengan kehendak industri.



Fuead Ali, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Komputer UniKL MIIT



Diyana Ab. Kadir, Penyelaras Program di UniKL MIIT

“Program ini bukan berdasarkan teori semata-mata sebaliknya kami menitikberatkan penglibatan industri,” kata Fuead (yang memberi input dalam penyediaan silibus kursus dari segi teori dan praktikal).

“Kita adakan kerjasama dengan industri. Kerjasama tersebut dalam bentuk silibus apabila pelajar yang mengikuti program ini berpeluang untuk mengambil sijil profesional bersama syarikat berteraskan teknologi terkemuka tanpa penambahan kos. Dengan kerjasama ini, kita dapat memastikan graduan yang dilahirkan tidak ketinggalan dalam perkembangan industri. Aspirasi kami adalah untuk melahirkan graduan yang relevan dan boleh terus berkhidmat dalam industri,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, penyelaras program tersebut, Diyana Ab. Kadir berkata, peluang pekerjaan untuk graduan program berkenaan adalah sangat luas memandangkan industri ini sangat memerlukan kepakaran dalam bidang IoT.

Kata beliau, syarikat telekomunikasi contohnya kini sedang bersiap sedia untuk menuju kepada penggunaan teknologi 5G sepenuhnya dan ia sangat memerlukan kepakaran IoT.

Begitu juga dengan syarikat-syarikat kesihatan untuk menyediakan sistem pemantauan pesakit yang lebih bersepadu dan berasaskan data.

“Secara umumnya, syarikat dalam semua bidang memerlukan kepakaran dalam IoT, cuma tinggal sama ada mereka mahu melabur di dalamnya ataupun tidak,” katanya.

Menurut Diyana juga, kebanyakan syarikat akan memerlukan kepakaran IoT bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manusia dalam hal-hal yang boleh diautomasikan. Dengan ini, pekerja boleh fokus kepada kerja-kerja yang lebih memerlukan kepakaran manusia. Selain dapat mengurangkan kos pengurusan, ia menjadikan permintaan terhadap sistem IoT semakin meningkat.

UniKL MIIT turut bekerjasama dengan penggerak industri seperti Akademi Red Hat, Akademi Cisco dan Akademi Quandatics bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan terhadap perkembangan industri secara berterusan.

Lepasan STPM/STAM/Matrikulasi/Asasi/Diploma yang berminat untuk mengikuti program ini bagi **Pengambilan Oktober 2020** boleh menghubungi **Bahagian Kemasukan UniKL MIIT (En. Hafize/Pn. Asmawati)** di 03-2175 4146 atau emel kepada fuead@unikl.edu.my.

Where Knowledge is Applied and Dreams Realised



Bentuk Masa Depan Anda Di UniKL



Kurikulum Menepati Keperluan Industri
Lebih 130 program ditawarkan di 12 kampus seluruh negara



Pensijilan Profesional
Sijil diiktiraf "embedded industry"



Tunjuk Ajar Pakar
Tenaga pengajar yang berpengalaman dari industri



Peluang Belajar/Bekerja Di Luar Negara
Lebih daripada 100 rakan universiti/industri mobiliti di seluruh dunia



Peluang Pinjaman Pelajaran
Pelbagai akses untuk pinjaman pelajaran, biasiswa dan geran



Bimbingan Kerjaya
Sertai rangkaian luas alumni dan rakan industri

PENGAMBILAN SEPTEMBER 2020 BAGI PROGRAM IJAZAH MASIH LAGI DIBUKA



Mohon sekarang: www.unikl.edu.my

SESI KONSULTASI BERSAMA UniKL 2020

TARIKH/MASA	LOKASI
3 & 4 Oktober 2020 (Sabtu & Ahad) 9.00 pg - 4.00 ptg	Pejabat MARA Negeri Kelantan
3 & 4 Oktober 2020 (Sabtu & Ahad) 9.00 pg - 4.00 ptg	UTC, Melaka
3 & 4 Oktober 2020 (Sabtu & Ahad) 9.00 pg - 4.00 ptg	UniKL RCMP, Ipoh
3 & 4 Oktober 2020 (Sabtu & Ahad) 9.00 pg - 4.00 ptg	UniKL Kampus Kota, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur
10 & 11 Oktober 2020 (Sabtu & Ahad) 9.00 pg - 4.00 ptg	UniKL Kampus Kota, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur

TATACARA & SOP YANG PERLU DIPATUHI:
Amalkan penjarakan fizikal, gunakan hand sanitizer dan memakai face mask ketika berurusan pada Sesi Konsultasi. Semua yang hadir perlu merekodkan suhu badan sebelum mengambil nombor giliran dan konsultasi akan dibuat mengikut giliran.



Kumpulan Pendidikan MARA
Universiti Kuala Lumpur DU011(W)

Universiti Kuala Lumpur
1016 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

+603 2175 4000

Hotline : 1800 888 177

www.unikl.edu.my

Universiti Kuala Lumpur - Officialpage

UniKLOfficial